



Harap tiada had tempoh kegunaan kad debit

Tanpa perancangan dan amalan berjimat cermat dari awal, mereka pasti akan menghadapi kesukaran pada setiap hujung semester”

Prof Datuk Noor Aziah Mohd Awal,
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UKM

Oleh Basir Zahrom
basir_zahrom@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Pelajar diingatkan membuat perancangan teliti untuk memanfaatkan kegunaan kad debit yang bakal menggantikan Baucar Buku 1Malaysia (BB1M), dengan sebaik-baiknya bagi menampung keperluan pengajian bersama sumber kewangan lain seperti pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Noor Aziah Mohd Awal, berkata langkah itu amat penting bagi memastikan pelajar ada kewangan mencukupi untuk menyara diri hingga akhir semester.

“Pelajar menerima seluruh wang pinjaman PTPTN pada setiap semester, justeru mereka harus bijak menguruskan kewangan secara berhemat dari awal, termasuk menggunakan bantuan kad debit itu dengan baik.

“Tanpa perancangan dan amalan berjimat cermat dari awal, mereka pasti akan menghadapi kesukaran pada setiap hujung semester,”

katanya sambil berharap kad debit itu boleh digunakan pada bila-bila masa tanpa sebarang had tempoh sepanjang tahun pelaksanaan.

Beri kefahaman

Sementara itu Pengurus Kedai Fixi di sini, Muhammad Fakrur Razi Mad Yussof, pula berharap mekanisme yang akan diperkenalkan tidak menyukarkan peniaga untuk membuat transaksi menggunakan kad debit berkenaan.

Bagaimanapun, beliau berkata, penggunaan kad itu dijangka dapat mengekang isu penyalahgunaan seperti kes BB1M yang

berlaku sebelum ini, manakala pelajar ada lebih banyak pilihan pembelian selain buku.

“Pelaksanaan kad debit ini adalah sistem baharu dan bakal memberi kesan terhadap industri buku kerana kegunaannya diperluas kepada pembelian lain. Dalam konteks ini, penerbit dan penulis buku akan turut terkesan.

“Sehubungan itu, semua pihak terbabit perlu diberi kefahaman mengenai kegunaan kad ini supaya pelaksanaan sistem berjalan lancar dan dimanfaatkan untuk tujuan ilmiah selaras tujuan asal pengenalan BB1M,” katanya.